



PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1441 HIJRAH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita masih diberikan peluang untuk menyambut Hari Raya Aidiladha pada 31 Julai 2020 bersamaan 10 Zulhijah 1441 Hijrah dalam suasana norma baharu.

Hari Raya Aidiladha sememangnya berbeza dengan hari kebesaran Islam yang lain. Hari ini memiliki pelbagai perkara yang perlu diketahui, difahami, dilaksanakan dan diambil pengajaran. Oleh itu, kita tidak boleh menganggap Hari Raya Aidiladha ini berkait dengan ibadah korban dan haji semata-mata malah sebagai peringatan kepada kita agar memperingati teladan daripada sejarah Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s. Sejarah ini berlaku untuk menjadi pedoman dan petunjuk kepada umat Islam untuk mengorbankan harta dan jiwa demi meneguhkan iman kepada-Nya.

Tahun ini kita melaksanakan ibadah korban dalam suasana norma baharu, oleh itu janganlah alpa. Kita perlu bersama-sama memastikan ibadah korban dilaksanakan sesuai dengan situasi sekarang agar dapat mengurangkan penularan wabak COVID-19. Patuhilah segala prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan pihak berkuasa. Korbankanlah sifat mementingkan diri demi memastikan kemaslahatan warga Universiti dan masyarakat sekeliling terjaga. Bersyukurlah kerana masih diberi kesempatan untuk berhimpun, bertakbir, bertahmid, menunaikan solat sunat Aidiladha dan melakukan ibadah korban walaupun dalam suasana norma baharu yang agak terkawal.

Akhir kalam, sempena hari yang mulia ini, saya ingin mengucapkan Salam Aidiladha kepada seluruh warga Universiti Utara Malaysia (UUM). Marilah raikan hari kebesaran ini dengan penuh kesyukuran dan keimanan di samping menjaga keselamatan dan kesihatan diri serta keluarga tercinta.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR HAJI ABDUL GHANI

